



29 MAR, 2022

## Kilang Porsche Kulim rangsang industri automotif tempatan

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# Kilang Porsche Kulim rangsang industri automotif tempatan

**Kemudahan pemasangan pertama di luar Eropah bukti syarikat yakin ekosistem negara**

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Kilang** pemasangan pertama luar Eropah model kereta sport Porsche di Kulim, Kedah berupaya merangsang pertumbuhan perniagaan, selain merancakkan industri automotif tempatan, sekaligus merealisasikan hasrat negara menjadi hab automotif serantau.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Bhd, Datuk Jeffri Salim Davidson, berkata ia juga bukan saja akan menyokong pertumbuhan perniagaan kumpulan merentasi rantau nilai automotif di Malaysia, tetapi turut mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Beliau berkata, kerjasama antara Sime Darby dan Porsche AG bagi kilang pemasangan itu juga membuktikan kepercayaan berterusan Porsche terhadap kumpulan dan Malaysia.

"Kemudahan Porsche itu juga akan dikendalikan pasukan tempatan berkemahiran tinggi sepenuhnya yang mendapat latihan menyeluruh daripada Porsche

"Ia juga akan disokong oleh rakan pembekal dan penyedia perkhidmatan tempatan di sekitar Kedah, memperkasakan masa depan masyarakat setempat

dengan peluang pekerjaan, prospek peningkatan kemahiran dan potensi untuk pengembangan selanjutnya.

"Ini adalah bukti perkongsian telah lama terjalin dan diperdayai yang dibina lebih sedekad antara Sime Darby dan Porsche," katanya selepas majlis perasmian Kilang Pemasangan Pertama Porsche di Kulim, Kedah.

Majlis dirasmikan oleh Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin.

Kilang pemasangan Porsche ini juga adalah sejarah dengan Dasar Automotif Negara (NAP) 2020 yang bertujuan memajukan Malaysia sebagai peneraju serantaun dalam pembuatan automotif, kejuruteraan, teknologi dan pembangunan mamparn.

Sime Darby dan Porsche memilih Malaysia untuk kemudahan pemasangan pertamanya di luar

Eropah, menandakan keyakinan syarikat terhadap ekosistem dan kekuatan Malaysia yang kondusif untuk menyokong pertumbuhan jangka panjang mereka.

Kemudahan pertama pengeluar kereta sport global itu di Kulim ini juga mengiktiraf keupayaan bakat tempatan dan berpotensi membawa mereka memperluaskan jejak di rantau ASEAN.

Kerajaan turut memandang industri automotif sebagai sektor ekonomi yang strategik berdasarkan kerancaman pembangunan rantaian bekalan global serta pengukuhkan ekonomi negara.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Arham Abdul Rahman, berkata kerajaan akan berusaha membina persekitaran kondusif untuk peneraju industri dari luar

dan dalam negara menjalankan perniagaan di Malaysia.

Beliau berkata, ini seiring keadaan negara untuk menyediakan peluang pekerjaan jangka masa panjang dan berhubung dengan rakan kongsi teknologi yang berkebolehan.

"Dengan reputasi Porsche sebagai pengeluar kereta berprestasi tinggi yang memuntut teknologi terkini dan kejuruteraan baharu, perkongsian ini memang strategik kepada usaha kami untuk menggalakkan kebolehan nilai tinggi, teknologi tinggi, pengetahuan, modal dan intensif kemahiran serta pekerjaan berpendapatan tinggi.

"Ia akan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara berdaya saing dan destinasi pelaburan yang menguntungkan," katanya.

Ahli Lembaga Eksekutif (Jualan dan Pemasaran) Porsche AG, Detlev von Platen, pula berkata, kumpulan telah meraih pencapaian baharu, melancarkan pemasangan tempatan yang pertama bagi model Cayenne dan memenuhi impian peminat kereta sport di Malaysia.

Strategi pertumbuhan Porsche juga katanya, menggariskan kepentingan Malaysia sebagai lokasi utama pengembangannya di rantau ASEAN.

"Ia menunjukkan keyakinan kami terhadap Sime Darby sebagai rakan kongsi yang kukuh," katanya.



Kilang pemasangan kereta sport Porsche di Kulim turut iktiraf keupayaan bakat tempatan.

Kemudahan Porsche itu juga akan dikendalikan oleh pasukan tempatan berkemahiran tinggi sepenuhnya yang telah mendapat latihan menyeluruh daripada Porsche

**Jeffri Salim Davidson,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Kumpulan Sime Darby Bhd





29 MAR, 2022

## Kilang Porsche Kulim rangsang industri automotif tempatan

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Kemudahan Porsche itu juga akan dikendalikan oleh pasukan tempatan berkemahiran tinggi sepenuhnya yang telah mendapat latihan menyeluruh daripada Porsche Jeffri Salim Davidson, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Sime Darby Bhd

Kemudahan pemasangan pertama di luar Eropah bukti syarikat yakin ekosistem negara

Kilang pemasangan pertama luar Eropah model kereta sport Porsche di Kulim, Kedah berupaya merangsang pertumbuhan perniagaan, selain merancakkan industri automotif tempatan, sekali gus merealisasikan hasrat negara menjadi hab automotif serantau.